

LI 45 FPE 1 2002



1100033028

Laporan akhir latihan industri di Pejabat Daerah Setiu, Terengganu / Suhaipu Repin@Ismail.



PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100033028		

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LI
45
FPE
1
2002

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PEJABAT DAERAH SETIU, TERENGGANU**

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL NUR ZAHIRAH

1100033028

**Untuk Ibuku,
Zainun @ Aminah Omar
Dan Bapaku
Repin @ Ismail Draman**

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

Prakata

Latihan Praktikal merupakan satu bentuk latihan yang mendedahkan pelatih kepada suasana sebenar alam pekerjaan. Ia dianggap penting kepada para pelajar sebelum melangkah ke alam kerjaya bagi mencari dan mendapatkan pendedahan dan pengalaman bekerja. Atas kesedaran ini, Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) telah mengambil langkah yang tepat dengan mengesyorkan dan mewajibkan para pelajarnya menjalani latihan praktikal. Bersesuaian dengan itu juga, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) telah menetapkan agar pelajar-pelajar dari Sarjana Muda Sains (Polisi Awam Dan Sekitaran) menjalani latihan praktikal di suatu tempat yang dipilih.

Antara sebab dan faedah menjalani latihan praktikal ini ialah memberi ruang kepada para pelajar memperolehi pengalaman tentang suasana kerja sebenar. Selain itu, menerusi latihan praktikal juga dapat melihat sejauh mana seseorang pelajar itu dapat mengaplikasikan pengetahuan dan teori yang dipelajari dalam kuliah kepada kerja sebenar. Peluang ini juga boleh diambil oleh organisasi penempatan pelatih menjalani latihan praktikal dengan mengenalpasti bakal pekerja yang ingin diperolehi bagi mengisi peluang pekerjaan pada masa yang akan datang.

Penghargaan

Bismillahirrahamanirrahim,

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya, telah menganugerahkan keupayaan dan kekuatan kepada saya untuk menyiapkan laporan industri ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada Ustaz Zakaria bin Mat selaku penyelia latihan industri dari pihak Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) dan terima kasih juga kepada En. Abd Afandi bin Mohd Nor selaku penyelia industri dari pihak Pejabat Daerah Setiu kerana telah banyak membantu dan membimbing serta menunjuk ajar kepada saya sehingga terhasilnya laporan industri ini dan tak lupa juga terima kasih diucapkan kepada ibu bapa saya yang banyak memberi sokongan dan dorongan.

Akhir kata, buat kakitangan Pejabat Daerah Setiu dan rakan-rakan yang sama-sama membantu dalam menyiapkan laporan ini, terima kasih diucapkan. Doa dan harapan agar kita semua memperolehi taufiq dan hidayah dari Allah S.W. T sepanjang hayat. Wassalam

1.6.2	Kepastian Kualiti Output / Peningkatan Kualiti Pejabat Untuk Perkembangan Dan Pembangunan Daerah Setiu.	22
1.7	Kemahiran Yang Dipelajari	33
BAB 2 : Pengenalpastian Masalah Dan Cadangan		
	Penyelesaian	37
2.0	Pengenalan	37
2.1	Penemuan Di Bahagian Pentadbiran Am	38
2.1.1	Mengesan Sistem Sedia Ada	38
2.1.2	Mengenalpasti Masalah	42
2.2	Analisis Masalah dan Perbincangan	
	Keseluruhan Penemuan	50
2.2.1	Rumusan Analisis dan Perbincangan	50
2.2.2	Cadangan Penyelesaian	52
2.2.3	Pelaksanaan Cadangan dan implikasi	54
	Penutup	57
	Rujukan	58
	Lampiran	

Senarai Rajah

Bil	Tajuk	Halaman
	Rajah 1: Carta Organisasi Pejabat Daerah Setiu	13

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

Ringkasan Eksekutif

Pejabat Daerah Setiu merupakan salah satu Pihak Berkuasa Tempatan yang terdapat di negeri Terengganu. Ianya telah mula beroperasi pada awal tahun 1985 setelah Setiu merupakan daerah terbaru di negeri Terengganu. Tidak dapat dinafikan bahawa setiap organisasi memiliki masalahnya sendiri, di antar permasalahan yang wujud di dalam organisasi ini serba sedikit mempengaruhi proses operasi dan menyebabkan tugas-tugas yang dijalankan tidak berjalan dengan lancar. Di antara permasalahan yang wujud melibatkan tenaga kerja dan juga sistem pelaksanaan tugas setiap kakitangan yang terbantut akibat corak pengurusan yang kurang efektif. Di dalam era ICT yang semakin berkembang pesat, corak dan system perkomputeran yang tidak dinaik taraf akan menyebabkan pihak Pejabat ini ketinggalan di dalam arus perkembangan teknologi. Sehubungan dengan itu, beberapa cadangan untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut telah diberikan. Diharapkan supaya pihak Pejabat Daerah Setiu dapat meneliti dan menilai semula cadangan yang telah diberikan.